



CASSIM PEER



ELLEN MOLEKANE



ROBERT MCBRIDE

Sistem pentadbiran Malaysia akan jadi model

PETALING JAYA 19 Julai — Empat pelatih diplomat dari Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) yang sedang mengikuti Latihan Diplomatik Untuk ANC di Institut Tadbiran Awam (INTAN) di sini mahu mempelajari sistem pentadbiran di negara ini sebagai model untuk pentadbiran kerajaan baru Afrika Selatan tidak lama lagi.

Kata mereka, Malaysia yang mempunyai banyak persamaan dengan Afrika Selatan, juga mempunyai ramai 'arkitek' dalam bidang pentadbiran yang boleh dicontohi dan dirujuk.

Robert McBride, 30, dari Johannesburg berkata, Malaysia, yang mempunyai sejarah kemerdekaan melalui rundingan kini mempunyai banyak pemimpin yang boleh mengeluarkan idea bernas untuk dicontohi.

Sehubungan itu, kata beliau, kursus tersebut memberi peluang kepada beliau untuk mempelajari sistem pentadbiran negara ini yang kemas dan berkesan, sebagai persiapan untuk menghadapi Afrika Selatan yang bebas daripada pemerintahan apartheid.

"Kursus diplomatik yang dianjurkan oleh negara ini sangat penting kerana ia dapat melatih kami membuat hubungan yang sewajarnya dengan dunia luar, sebaik sahaja kami mendapat hak untuk mentadbir tanah air kami sendiri," katanya kepada *Utusan*



GASSAN SOLOMON

ketika ditemui selepas majlis perasmian latihan itu di sini, hari ini.

Pada kursus selama sembilan minggu itu, 20 diplomatik muda dari ANC dipilih untuk mengikuti latihan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Selain dari ANC, enam diplomat muda dari Bosnia-Herzegovina akan menyusul kemudian untuk mengikuti kursus yang sama.

Ini merupakan kali pertama Malaysia melatih rakyat Afrika Selatan mengikuti kursus diplomatik di negara ini di bawah program berkenaan.

Cassim Peer, 39, seorang peguam dari Johannesburg berkata, kursus berkenaan boleh dianggap sebagai persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum pada April tahun depan.

"Sekiranya kami dapat membentuk kerajaan baru, maka perkara pertama yang kami buat ialah mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain," katanya.

Ditanya sama ada masa yang singkat iaitu sembilan minggu itu memadai untuk menjadikan beliau seorang diplomat yang baik, Cassim berkata, setiap anggota ANC memerlukan masa yang singkat untuk melakukan banyak perkara.

"Anda tentu tahu bahawa setiap hari, ada sahaja perkara yang berlaku di Afrika Selatan, jadi kami tidak boleh melakukan sesuatu tindakan dalam masa yang panjang," katanya.

Ellen Molekane, 38, berpendapat, cara Malaysia menyelesaikan konflik dengan negara luar patut dicontohi kerana banyak menggunakan cara diplomasi dan bukan dengan cara ketenteraan atau ancaman bersenjata.

"Malaysia mempunyai banyak 'kawan' kerana dasarnya yang jelas, senang diajak berunding serta suka membantu negara-negara bermasalah," katanya.

Gassan Solomon, 35, pula berharap sekatan perdagangan antara Malaysia dengan Afrika Selatan dapat ditarik balik dengan segera.